

MASAALAH
IKTIRAF
— IJAZAH —
LUAR
NEGERI

DIJELASKAN
B.H. 7 NOV 1974

KUALA LUMPUR, 7 Nov 74
bu. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan pengiktirafan ijazah luar negeri berdasarkan kajian akademik dan sumbangannya kepada kepentingan negara. Menurut beliau, jawatankuasa tetap penilaian dan pengiktirafan kelayakan yang dipengerusikan oleh Datuk Hussein Onn, telah dan akan mengkaji semua ijazah luar negeri. ter-

masuk Indonesia, Taiwan, India, Asia Barat dan Amerika Syarikat. Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Encik Chian Heng Kai (DAP-Batu Gajah) di Dewan Rakyat petang ini. Encik Chian meminta penjelasan samada kerajaan berniat menimbang sekali lagi pengiktirafan ijazah-ijazah Universiti Nanyang, Taiwan, India dan Timur Tengah. Beliau juga minta dijelaskan maksud 'kepentingan negara' dalam konteks pengiktirafan yang menjadi ukuran kerajaan sebagai alasan menolak pengiktirafan ijazah-ijazah tersebut. Dr. Mahathir memberitahu Dewan, setakat ini tidak terdapat bukti yang menunjukkan majoriti rakyat tidak bersetuju dengan tafsiran 'kepentingan negara' yang dijadikan garis panduan pengiktirafan ijazah-ijazah luar negeri.